

Kemelesetan ekonomi terus merebak

S.H 26/11/08 M/S 21

BERLIN - Kemelesetan ekonomi global terus merebak sehingga menjejaskan sektor pemotoran, kimia dan pengangkutan di Eropah dan senarai syarikat yang terjejas dilihat akan bertambah panjang.

Masalah dalam sektor automotif dilihat menjadi punca utama kerana ia turut menjejaskan pengeluaran dalam industri kimia dan keluli.

Minggu lalu syarikat gergasi kimia Jerman, BASF menutup 80 kilangnya dan menyebabkan kira-kira 20,000 pekerja syarikat tersebut di seluruh dunia menjadi penganggur.

Bank pelaburan Amerika

Syarikat JP Morgan menjangkakan industri keluli di Eropah akan mengalami masalah besar dan pungutan hasil daripada industri itu bakal menguncup sehingga 43 peratus pada tahun 2009.

Di Belgium, syarikat keluli terkenal, Umicore melaporkan mereka bakal menanggung kerugian besar kerana gangguan yang berlaku dalam industri automotif Eropah.

Sektor pembinaan juga mengalami masalah besar di seluruh Eropah dan keadaan ini dijangka berterusan untuk satu tempoh yang sukar diramal, lapor kumpulan kredit insurans Jerman, Euler Hermes.



Minggu lalu, kilang firma kimia terkenal, BASF di Ludwigshafen, Jerman bertindak menutup 80 kilangnya dan memberikan masalah pengangguran besar di Eropah.

Syarikat-syarikat pengiklanan juga turut terjejas teruk kerana kelembapan dalam sektor automotif kerana syarikat-syarikat pengeluar kereta adalah pelanggan utama mereka.

Di Perancis, firma pengiklanan JCDecaux telah menyelaraskan semula unjuran pertumbuhannya untuk tahun 2008 akibat daripada masalah ekonomi yang sedang berlaku.